

KHUTBAH JUMAAT

“PEDOMAN DARIPADA PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ” (24 Januari 2025M/ 24 Rejab 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat dengan berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Pedoman Daripada Peristiwa Israk Dan Mikraj”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Peristiwa Israk dan Mikraj mengandung banyak pengajaran untuk dijadikan pedoman. Israk adalah perjalanan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pada waktu malam dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil al-Aqsa di Palestin. Allah *subhanahu wata'ala* merakamkan kejadian ini melalui firman-Nya dalam surah al-Isra', ayat 1:

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ ۖ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ ۖ لِنُرِيَهُ ۚ مِنْ ءَايَاتِنَا ۚ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ (١)

Maksudnya: *Maha suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa, yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

Manakala mikraj pula adalah perjalanan Baginda *sallallahu alaihi wasallam* dari langit pertama sehingga ke Sidratul Muntaha. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Najm ayat 13 - 18:

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ (١٣) عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ (١٤) عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ (١٥) إِذْ يَغْشَى السِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ (١٦) مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ (١٧) لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ ءَايَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَىٰ (١٨)

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi. Di sisi "Sidratul-Muntaha"; Yang di sisinya terletak Syurga "Jannatul-Makwa". (Nabi Muhammad melihat Jibril dalam bentuk rupanya yang asal pada kali ini ialah) semasa " Sidratul Muntaha" itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga. Penglihatan (Nabi Muhammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya), dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Peristiwa Israk dan mikraj yang dialami oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mempunyai banyak pengajaran dan pedoman bagi umat Islam, antaranya :

Pertama : Sebelum Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* diangkat untuk mengadap Allah *subhanahu wata'ala*, dada baginda *sallallahu alaihi wasallam* dibelah dan hatinya disucikan. Ini menunjukkan betapa pentingnya kita memelihara hati daripada noda dan dosa.

Kedua : Perjalanan baginda *sallallahu alaihi wasallam* dari Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa dalam keadaan sedar dan jaga, sebelum diangkat (mikraj) ke langit. Ini memberi pengertian bahawa masjid merupakan wadah hubungan antara hamba dengan Penciptanya. Oleh sebab itu, kita mestilah terus meningkatkan iltizam dan

kesungguhan untuk mengimarahkan masjid agar kita tergolong dalam kalangan orang yang diredai oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga : Allah *subhanahu wata'ala* telah menciptakan tunggangan (haiwan buraq) yang mampu bergerak jauh dengan kelajuan yang tidak mampu dibayangkan oleh manusia.

Inilah bukti keagungan Allah serta kekuasaan-Nya dalam menjadikan sesuatu yang tidak dapat dicapai oleh logik akal manusia. Apakah kita masih meninggi diri di hadapan Allah *subhanahu wata'ala* sedangkan kita tidak mampu menandingi-Nya sedikitpun.

Keempat : Dalam perjalanan yang agung ini, Allah *subhanahu wata'ala* memerintahkan Malaikat Jibril *alaihis salam* untuk mengiringi Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai teman perjalanan. Allah *subhanahu wata'ala* mengisyaratkan bahawa teman merupakan kekuatan bagi seseorang. Terbukti, hidup manusia memang sukar tanpa teman. Namun, teman yang kita pilih hendaklah orang yang mampu membawa kita menuju kepada keredaan Allah *subhanahu wata'ala*, seperti Malaikat Jibril *alaihis salam* yang menemani Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam perjalanan ini.

Kelima : Dalam peristiwa ini juga, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dibawa menyaksikan pelbagai gambaran siksaan bagi manusia yang ingkar. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* diperlihatkan siksaan-siksaan yang mengerikan seperti orang yang suka memakan harta anak yatim secara zalim, pengamal riba dan

penzina. Semua peristiwa ini mestilah menjadi iktibar dan pengajaran kepada kita agar kita tidak terjerumus ke lembah dosa dan kebinasaan.

Keenam : Hikmah dari ibrah yang paling besar dalam peristiwa ini adalah kewajiban solat 5 waktu yang diterima daripada Allah *subhanahu wata'ala* secara terus tanpa perantaraan malaikat. Ini menggambarkan betapa pentingnya perintah solat kepada setiap muslim. Oleh sebab itu, sebagai seorang muslim, kita hendaklah menjaga solat fardu dengan sempurna dan tidak mengambil mudah akan kewajibannya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 9 - 11:

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ (٩) أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ (١٠) الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (١١)

Maksudnya: *Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi - yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.*

Kaum muslimin yang berbahagia,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

Pertama: Perjalanan Israk dan Mikraj Rasullullah *sallallahu alaihi wasallam* memberi pengajaran kepada kita agar sentiasa mematuhi perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam kehidupan kerana azab Allah *subhanahu wata'ala* amat pedih bagi mereka yang menderhaka kepada-Nya.

Kedua: Perjalanan jauh yang ditempuh oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam satu malam adalah tanda kekuasaan dan kebesaran Allah *subhanahu wata'ala* dalam melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Ketiga: Marilah kita, bersungguh-sungguh menjunjung perintah melaksanakan solat dengan penuh khusyu, berkualiti dan sempurna.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-'Ankabut, ayat 45:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۚ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ (٤٥)

Maksudnya: Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, bersempena dengan **Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-43**, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wata'ala dan mendoakan kesejahteraan serta keselamatan buat seluruh warga kastam yang berkhidmat dengan penuh dedikasi demi memastikan kestabilan dan kesejahteraan ekonomi Malaysia terus terpelihara.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini juga, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing khususnya kawasan-kawasan yang berada di tempat yang rendah dan kerap banjir. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu juga, marilah kita terus mengimarahkan masjid dengan menunaikan solat fardu berjemaah dan memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya Allah

subhanahu wata'ala sentiasa membalas dan mengurniakan rahmat segala kebaikan yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan harian kita adalah daripada sumber yang halal dan baik. Dalam masa yang sama, teruskanlah kita menghormati dan mentaati pemimpin yang beriman. Nilai perpaduan ummah terus disirami dan diperkukuhkan demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintah oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti,

berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.